



Khamis – 21 Januari 2021

Halaman : 4

## PKPD di lokaliti Orang Asli Perak

**PUTRAJAYA** — Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Parang, Batang Padang, Perak bermula hari ini sehingga 3 Februari depan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, setakat Isnin lalu, sebanyak 12 kes positif Covid-19 direkodkan di kampung berkenaan.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) turut mengehsahkan terdapat seramai 87 kontak rapat yang sedang dikuarantin ketika ini.

“Pelaksanaan PKPD ini bertujuan untuk mengawal pergerakan penduduk serta memudahkan KKM melaksanakan saringan bersasar di lokaliti ini yang membabitkan seramai 494 penduduk,” katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, seramai 752 individu ditahan atas pelbagai kesalahan



ISMAIL SABRI

ingkar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kelmarin.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 718 individu dikompaun, manakala 34 lagi direman.

“Kesalahan direkodkan ialah tidak memakai pelitup muka (277), gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (137), tiada penjarakan fizikal (128), rentas daerah/negeri tanpa kebenaran (73), premis beroperasi lebih masa atau tanpa kebenaran (39) dan lain-lain (98),”



### Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	<b>4,008</b>
<b>Import: 5 Tempatan:</b>	<b>4,003</b>
• Pulih	<b>2,374</b>
• Kematian	<b>11</b>
• Masih dirawat	<b>41,087</b>
• Jumlah kes sembuh	<b>127,662</b>
• Jumlah Kematian	<b>630</b>
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>169,379</b>

katanya.

Selain itu, katanya, seramai 57 orang pendatang asing tanpa asing (PATI) ditangkap dalam Operasi Benteng dan sebanyak 10 buah kenderaan darat turut dirampas.